

Dr M syor syarikat2 Bumiputera bergabung

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan usahawan-usahawan Bumiputera yang

bergiat dalam sesuatu bidang perniagaan supaya bergabung tenaga dan modal untuk menubuhkan sebuah syarikat yang besar.

Perdana Menteri berkata langkah ini boleh mengelakkan mereka bersaing sesama sendiri, terutama jika berniaga di bidang yang sama di kawasan-kawasan yang

berdekatan.

"Terpulanglah kepada peniaga-peniaga Bumiputera sendiri untuk memikirkan soal gabungan ini, kerana kerajaan tidak ada kuasa untuk men-

cantumkan mereka atau menyekat mereka berniaga berseendirian," jelasnya lagi.

Bellau menyarankan demikian ketika melanarkand dan menepung-tawar 15 lori tangki kepunyaan Syarikat Urus Angkut Kenderaan Sdn Berhad tajaan Peratuan Pengusaha-Pengusaha Loritangki Bumiputera Malaysia di siji, petang ini.

Hadir sama Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim, dan Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abu Hassan Haji Omar.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika syarikat-syarikat kecil bergabung, modal dan tenaga dapat dikumpulkan serta memudahkan sistem pengurusannya.

Berniaga secara berkumpul boleh menjimatkan tenaga, kerana tenaga-tenaga lain boleh ditumpukan kepada bidang-bidang yang lain pula, katanya.

"Syarikat besar itu boleh melantik seorang pengurus yang cekap dan mahir dan bekerja sepenuh masa di bidang yang dicebur, serta dibantu oleh kakitangan yang profesional untuk mengelakkan syarikat itu kerugian," jelasnya lagi.

Menurut bellau, berniaga di bidang yang sama secara berseendirian tidak akan menguntungkan, kerana mereka terpaksa bersaing dengan rakan-rakan mereka.

Ini boleh menyebabkan mereka menutup kedai dan setengahnya cuba mengalih ke perniagaan jenis lain yang kurang mahir, jika perniagaan mereka hampir bankrap, katanya.

Perdana Menteri memberi contoh bahawa tabiat menyertai bidang perniagaan yang sama cukup banyak, seperti pengangkutan lori tangki, perkhidmatan bas ekspres, berniaga kedai buku dan majalah dan sebagainya.

Bellau tidak menggalakkan seseorang pengusaha Bumiputera yang baru muncul menyertai bidang niaga yang sama setelah mendapati perniagaan rakan mereka berjaya dan menguntungkan.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudian mengalukan langkah Peratuan Pengusaha-Pengusaha Loritangki Bumiputera Malaysia yang menubuhkan sebuah syarikat besar iaitu Urus Angkut Kenderaan Sendirian Berhad.

Bellau berharap langkah ini akan dicontohi oleh syarikat-syarikat Bumiputera lain yang bergiat di lain-lain bidang.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Siri 5803
No. Penerimaan 126 / 86